

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 22 Julai 2020 3:19 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: FRONTLINERS BERSENGKANG MATA PASTIKAN WARGA KAMPUS TERHINDAR COVID-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 JULAI 2020 / 1 ZULHIJAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

FRONTLINERS BERSENGKANG MATA PASTIKAN WARGA KAMPUS TERHINDAR COVID-19



UUM ONLINE: Semangat juang, dedikasi dan usaha semua petugas barisan hadapan UUM dalam mendepani wabak COVID-19 diraikan dalam Majlis Penghargaan Frontliners (Ops Hantar Pulang Pelajar) di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, majlis tersebut bagi meraikan semua barisan frontliners UUM yang telah banyak menyumbang jasa, tenaga dan masa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu.

Menurutnya, mereka bukan sahaja sanggup mengorbankan masa demi memikul tanggungjawab yang diberi malah komited melaksanakan tugas demi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus terjaga sejak dari awal negara dilanda pandemik COVID-19.

UUM bukan sahaja memastikan warga kampus berada dalam keadaan selamat, malah turut memastikan pelajar yang pulang ke kampung halaman masing-masing juga selamat tiba ke pangkuan keluarga.

Dr. Hendrik berkata, Ops IPT Pulang yang bermula 22 April lalu merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UUM telah dilantik menjadi Ketua Zon Utara bagi Ops IPT Pulang ini dan menyelaraskan data kira-kira 7,000 pelajar melibatkan 71 IPT Zon Utara.

“Pelbagai rintangan yang dihadapi misalnya menerima banyak panggilan dengan pelbagai emosi serta mendapat persoalan bertalu-talu daripada waris tentang keadaan anak-anak mereka.

“Kita juga menubuhkan Bilik Gerakan Pengurusan COVID-19 di Bilik Mesyuarat SAC untuk memudahkan penyelarasan maklumat, data dan lokasi pertanyaan pelajar dan waris serta pihak luar, malah universiti juga memastikan Food Bank Center dan Dewan SAC sentiasa dibuka bagi penyimpanan barangan sumbangan,” katanya.

Beliau merakamkan penghargaan kepada semua PTJ terutamanya Jabatan Keselamatan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan PKU selain KPT.

Pada majlis itu, UUM Corporate Communication yang diwakili Ketua Media, Nordiana Shafiee mewakili Pengarah, Rasidah Rodzi telah menerima sijil penghargaan yang disampaikan Dr. Hendrik dengan disaksikan Dekan HEP, Prof. Madya Dr. Massudi Mahmuddin.

Sementara itu, Pengarah UUM Corporate Communication merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar di atas penghargaan diberikan itu.

Menurutnya, beliau juga berterima kasih kepada semua staf UUM Corporate Communication yang telah bekerja keras sepanjang tempoh PKP lalu dengan mengorbankan masa dan tenaga serta keselamatan diri bagi memastikan warga kampus mendapat maklumat tepat dan cepat berkenaan COVID-19.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada Ketua Bilik Gerakan UUM, Prof. Madya Dr. Massudi Mahmuddin, Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Adi Azhar Abdul Razak, Pengetua, Ketua Zon Negeri mewakili pegawai pengiring mengikut Zon, Zamri Md. Zain, Jabatan Bendahari, Siti Nadia Mohd. Nasir mewakili Jawatankuasa Pengurusan Pengangkutan dan Mohd Maliki Abd Rahman mewakili Jawatankuasa Jamuan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.